



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN SISTEM LIF**  
**CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL**  
**IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah akta atau peraturan khusus yang mengawal selia atau terpakai untuk lif?	1. Akta Kilang dan Jentera, 1967 (Akta 139) 2. Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970
2.	Apakah yang dimaksudkan dengan PMA bagi lif?	PMA bermaksud Perakuan Kelayakan Mesin Angkat (PMA). Ia adalah perakuan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk sesebuah lif bagi membolehkan ia beroperasi.
3.	Mengapa setiap lif perlu mempunyai PMA?	PMA merupakan suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) ke atas setiap jentera, yang mana suatu sijil kelayakan ditetapkan perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum jentera tersebut dibenarkan beroperasi. Ini selaras dengan ketetapan Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139), Seksyen 19(1).  PMA perlu diperbaharui setiap 15 bulan dan permohonan pembaharuan perlu dibuat oleh pemunya kepada JKKP melalui MyKKP ( <a href="http://mykkp.dosh.gov.my/">http://mykkp.dosh.gov.my/</a> ) tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat sah laku PMA.
4.	Apakah jenis pemeriksaan yang wajib dijalankan ke atas lif mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967?	1. Pemeriksaan Jadual Pertama ( <i>1<sup>st</sup> Schedule Inspection</i> ) oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi tujuan pengeluaran Perakuan Kelayakan Mesin Angkat (PMA) untuk lif baharu 2. Pemeriksaan Jadual Kedua ( <i>2<sup>nd</sup> Schedule Inspection</i> ) oleh Orang Yang Kompeten (OYK) Lif setiap 3 bulan 3. Pemeriksaan ulangan ( <i>Annual Inspection</i> ) bagi memperbaharui PMA setiap 15 bulan

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
5.	Pihak manakah yang dibenarkan untuk menyelenggara lif?	<p>Berdasarkan Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970, lif hanya boleh diselenggara oleh Firma Yang Kompeten (FYK) berdaftar dengan JKKP. Dalam konteks lif, FYK ini adalah syarikat pemasang, penyelenggara dan pemeriksa lif.</p> <p>Senarai syarikat berkenaan boleh dirujuk di laman rasmi sesawang JKKP di bawah senarai Syarikat Pemasang, Penyelenggara dan Pemeriksa Lif.</p>
6.	Adakah sesuatu Firma Yang Kompeten (FYK) boleh memasang lif selain daripada yang skop/jenama yang didaftarkan dengan JKKP?	Sesuatu FYK hanya boleh memasang lif jenama yang didaftarkan dan diluluskan oleh JKKP untuk pihaknya sahaja.
7.	Adakah sesuatu FYK boleh menyelenggara selain daripada jenama yang didaftarkan dengan JKKP?	Ya, ianya dibolehkan dengan syarat mematuhi ketetapan Garis Panduan Mendapatkan Kebenaran Ambilalih Selenggaraan Lif dan Eskalator yang dikeluarkan oleh JKKP.
8.	Adakah wajib diwujudkan kontrak penyelenggaraan bagi lif?	<p>Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970 menetapkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) lif perlu diselenggara oleh FYK berdaftar dengan JKKP</li> <li>(ii) perlu diwujudkan kontrak penyelenggaraan dengan FYK</li> <li>(iii) tempoh minimum kontrak penyelenggaraan adalah 12 bulan.</li> </ul>
9.	Apakah implikasi sekiranya lif diselenggara oleh FYK Lif tanpa sebarang ikatan kontrak dengan tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan?	Perkara ini adalah menyalahi Peraturan 31, Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970 dan akan menyebabkan Perakuan Kelayakan Mesin Angkat (PMA) lif terbatas.
10.	Mengapa lif milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dikecualikan daripada Akta Kilang dan Jentera, 1967 (Akta 139) seperti mempunyai PMA, kontrak penyelenggaraan dan sebagainya?	<p>Semua lif milik ATM dikecualikan daripada mematuhi keperluan ditetapkan di bawah Akta Kilang dan Jentera, 1967 (Akta 139) berdasarkan kepada klausula berikut:</p> <p>55(1). Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh terpakai bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mana-mana kilang atau jentera yang dikendalikan oleh <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) angkatan tentera;</li> </ul> </li> </ul> <p>Namun begitu, sekiranya lif berkenaan dikendalikan oleh agensi kerajaan lain seperti</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Jabatan Kerja Raya (JKR), ia wajib mematuhi Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) dengan syarat terdapat bukti bertulis yang sah daripada pemunya bagi penyerahan tanggungjawab sebagai pengendali lif berkenaan.
11.	Apakah rekod berkaitan lif yang perlu disimpan oleh pemunya lif?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rekod Pemeriksaan Jadual Kedua (<i>2<sup>nd</sup> Schedule Inspection</i>)</li> <li>2. Buku log pemeriksaan JKKP</li> <li>3. Rekod penyelenggaraan bulanan lif</li> </ol>
12.	Adakah pemasangan <i>Emergency Battery Operated Power Supply</i> (EBOPS) merupakan keperluan wajib oleh JKPP?	<p>Pemasangan EBOPS adalah digalakkan dan tidak diwajibkan selaras dengan Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) no. rujukan: JKPP IS 127/8/1- Klt. 23(20) bertarikh 6 Januari 2017.</p> <p>EBOPS merupakan peranti bekalan kuasa kecemasan bagi membolehkan penggera keselamatan, <i>intercom</i>, kipas pengudaraan dan lampu di dalam lif terus beroperasi sekurang-kurangnya selama 2 jam apabila bekalan kuasa utama terputus.</p>
13.	Adakah pemasangan <i>car door locking device</i> merupakan keperluan wajib oleh JKKP?	Ya. Pemasangan <i>car door locking device</i> adalah diwajibkan selaras dengan Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) no. rujukan: JKPP IS 127/8/1- Klt. 23(20) bertarikh 6 Januari 2017.
14.	Dalam keadaan apakah lif Bomba perlu disediakan dalam sesebuah bangunan?	Lif Bomba perlu disediakan sekiranya aras tertinggi bangunan melebihi 18.5 m daripada aras <i>fire appliances access level</i> .
15.	Adakah lif Bomba perlu dipasang pada <i>lift shaft</i> yang berasingan?	Lif Bomba hanya perlu dipasang pada <i>lift shaft</i> berasingan sekiranya ia membuka ke lobi yang berasingan daripada lif lain dalam <i>lift bank</i> yang sama.
16.	Berapakah bilangan unit lif Bomba yang perlu disediakan dalam sesebuah bangunan?	Satu unit lif Bomba perlu disediakan bagi setiap kumpulan lif yang membuka ke lobi yang sama, dengan syarat kedudukan lif Bomba tersebut tidak melebihi 61 meter jarak perjalanan ke jarak terjauh aras berkenaan.
17.	Apakah yang dimaksudkan dengan <i>protected lobby</i> bagi lif?	Menurut <i>Uniform Building By-Laws 1984 (UBBL)</i> , <i>protected lobby</i> bermaksud “ <b>a lobby enclosed throughout by partitions having a Fire Resistance Period (FRP) of not less than half hour and has all openings therein fitted with fixed lights and self-closing doors having an FRP of not less than half hour</b> ”.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
18.	Dalam keadaan apakah <i>lift landing door</i> yang dipasang perlu menggunakan spesifikasi jenis <i>fully insulated landing door</i> ?	<p><i>Fully insulated lift landing door</i> perlu digunakan apabila <i>lift lobby</i> adalah jenis <i>unprotected lobby</i>.</p> <p>Namun, terdapat juga keadaan di mana lif yang mempunyai lobi jenis <i>unprotected lobby</i> tidak perlu menggunakan <i>landing door</i> jenis <i>fully insulated landing door</i>, iaitu sekiranya <i>unprotected lobby</i> tersebut adalah <i>open lobby</i> atau <i>cross ventilated lobby</i>.</p>
19.	Apakah peraturan yang mewajibkan penyelenggaraan lif dijalankan?	Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970, Peraturan 31. Tanggungjawab Pemilik
20.	Adakah kerja-kerja naik taraf/modernization lif perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)?	<p>Secara umum, sesebuah lif dikatakan telah dipinda apabila:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) telah bertukar fungsinya, seperti daripada lif penumpang kepada lif barang</li> <li>(ii) jarak perjalanan (<i>travel distance</i>) telah berubah akibat pertambahan aras perkhidmatan</li> <li>(iii) beban kontrak (<i>contract load</i>) telah bertambah</li> <li>(iv) kelajuan kontrak (<i>contract speed</i>) telah bertambah</li> </ul> <p>Semua kerja-kerja naik taraf/modernization lif wajib mendapat kelulusan dan kebenaran daripada pihak JKKP.</p>
21.	Apakah sistem pengudaraan yang perlu dipasang di bilik motor lif?	Tiada penetapan jenis sistem pengudaraan di bilik motor sama ada di bawah Akta Kilang dan Jentera. Namun, piawaian EN81-20 mengesyorkan supaya suhu bilik motor dikekalkan dalam julat +5°C ke +40°C.
22.	Apakah kekerapan penyelenggaraan bagi setiap lif?	Berdasarkan Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970, Peraturan 31, lif perlu diselenggara setiap bulan dan diperiksa secara menyeluruh sekali setiap 3 bulan oleh Orang Yang Kompeten (OYK) lif.
23.	Apakah yang dimaksudkan dengan istilah <i>3<sup>rd</sup> Party</i> dalam konteks penyelenggaraan lif?	Dalam konteks penyelenggaraan lif, <i>3<sup>rd</sup> party</i> bermaksud pihak yang bukan pemasang/pengeluar asal sesuatu lif tetapi melaksanakan penyelenggaraan/pembaikan lif berkenaan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
24.	Apakah perbezaan di antara lif barang dengan lif penumpang?	<p>Secara umumnya, lif barang adalah lif yang dikhaskan untuk mengangkut barang, dengan hanya orang yang dilantik/diberi kebenaran sahaja boleh mengoperasikan lif tersebut seperti memuatkan atau memunggah. Manakala lif penumpang pula digunakan untuk membawa penumpang mengikut kapasiti yang ditetapkan.</p> <p>Antara perbezaan lain merujuk Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970 adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kapasiti kontrak (<i>contract load</i>) – Peraturan 7(3)</li> <li>(ii) ketinggian <i>landing door</i> – Peraturan 12(2)(b)</li> <li>(iii) Pintu lif – Peraturan 15(1)(b)</li> <li>(iv) Notis – Peraturan 32(2)</li> </ul>
25.	Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pemunya sekiranya FYK yang dilantik tidak menjalankan tanggungjawabnya?	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemunya boleh mengambil tindakan-tindakan yang digariskan/dibolehkan di bawah kontrak penyelenggaraan/ perjanjian yang ditandatangani. Antaranya seperti mengeluarkan surat amaran, membuat pemotongan bayaran, menamatkan kontrak penyelenggaraan dan sebagainya.</li> <li>2. Membuat laporan kepada JKPP mengenai ketidakpatuhan atau kegagalan FYK menjalankan tanggungjawabnya setelah pelbagai tindakan yang diambil tidak menunjukkan sebarang perubahan/peningkatan. Pihak JKPP akan membuat siasatan lanjut dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya jika didapati aduan adalah berdasas.</li> </ol>
26.	Apakah tindakan yang boleh dikenakan terhadap pemunya lif sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti ditetapkan oleh Akta Kilang dan Jentera, 1967.	Bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan, pemunya lif boleh dikenakan denda maksimum sebanyak RM 150,000.00 atau tiga (3) tahun penjara atau kedua-duanya sekali.
27.	Bolehkan lain-lain peralatan/ sistem yang tidak berkaitan dengan operasi sistem lif dipasang di dalam bilik motor lif?	<p>Lain-lain peralatan/sistem seperti paip air, <i>rainwater downpipe</i>, paip sistem pencegah kebakaran, <i>switchboard</i> untuk sistem pam, <i>switchboard</i> sistem pencahayaan bangunan, peralatan telekomunikasi dan sebagainya tidak dibenarkan dipasang di dalam bilik motor lif.</p> <p>Namun begitu, peralatan seperti alat penyaman udara, kipas pelawas (<i>exhaust fan</i>), peranti pencegah kebakaran (<i>smoke detector, heat</i></p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<i>detector, dll.)</i> dan <i>fire extinguisher</i> adalah dibenarkan memandangkan ia merupakan peralatan/sistem sokongan dalam memastikan operasi sistem lif berjalan dengan baik dan selamat. Rujuk Peraturan 9(1), Peraturan Kilang dan Jentera (Lif Elektrik untuk Penumpang-penumpang dan Barang-barang) 1970.
28.	Bangunan apakah yang diwajibkan memasang lif?	Semua bangunan bukan kediaman yang melebihi 4 tingkat sama ada ke atas atau ke bawah daripada laluan masuk utama perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu lif. Rujuk Klausa 124, UBBL.
29.	Adakah kemudahan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) perlu disediakan bagi setiap lif?	Lif penumpang bagi semua bangunan yang boleh dikunjungi wajib menyediakan ciri-ciri mesra Orang Kurang Upaya (OKU) seperti ditetapkan dalam piawaian MS 1184. Ini selaras dengan Undang-Undang Kecil 34A, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984. Antara ciri mesra OKU untuk lif adalah butang lif dengan tulisan <i>braille</i> , pengumuman aras dan operasi lif, <i>hand rail</i> dan kawalan khas operasi lif OKU (COP untuk OKU).
30.	Adakah sistem lif perlu disambungkan ke sistem bekalan kuasa kecemasan atau set generator?	Sistem lif perlu disambungkan kepada sistem bekalan kuasa kecemasan, di mana kesemua lif perlu kembali ke aras yang ditetapkan, bermula dengan lif Bomba dan diikuti dengan lain-lain lif. Rujuk Klausa 154, UBBL.

**CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL  
IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**KEMASKINI : 26 JUN 2020**